



DARUL QURAN SINGAPURA

**SPECIALIST CERTIFICATE IN QURAN
TEACHING (SCQT)**

&

**SPECIALIST DIPLOMA IN QURAN
TEACHING (SDQT)**

PROSPEKTUS

ISI KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Kumpulan Sasaran.....	1
Syarat Kemasukan SCQT.....	1
Syarat Kemasukan SDQT.....	2
Matlamat Program.....	2
Hasilan Ketara Pembelajaran (<i>Desired Outcome</i>)	2
Struktur Program.....	3
Jalur Pembelajaran Program.....	3
Modul Pengajian SCQT.....	4
Sinopsis Modul SCQT.....	5
Modul Pengajian SDQT.....	8
Sinopsis Modul SDQT.....	9
Masa Pembelajaran (<i>Study Load</i>) Satu Modul Pengajian.....	14
Kategori Kemahiran Dalam Pembelajaran.....	15
Yuran Program.....	16
Jadual Pengajian.....	17
Jadual Semester.....	18
Sistem Penilaian.....	18
Kelayakan Menduduki Peperiksaan.....	18
Skema Pemarkahan.....	20
Grid & Transkrip.....	21
Penganugerahan Sijil.....	21
Syarat Penganugerahan Sijil.....	21

PENGENALAN

Program *Specialist Certificate in Quran Teaching (SCQT)* dan *Specialist Diploma in Quran Teaching (SDQT)* merupakan suatu program pendidikan berterusan yang ditawarkan khusus kepada guru-guru al-Quran dan masyarakat Islam tempatan secara amnya. Program pendidikan ini merupakan suatu program peningkatan yang bermatlamat untuk mengembangkan kemahiran para guru serta mengukuhkan lagi ilmu-ilmu dasar yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran. Program ini terarah kepada memberikan pemberatan (*weightage*) kepada kedua-dua aspek 'Ilmi (Teori) dan juga 'Amali (Aplikasi). Dengan mengambil pendekatan yang berteraskan kemahiran (*skill-based*), program ini diharap dapat mempersiapkan peserta secara seimbang dalam dunia pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

KUMPULAN SASARAN

SCQT dan SDQT terbuka kepada semua guru al-Quran. Guru-guru al-Quran yang belum tersenarai dalam ARS atau ingin meningkatkan tahap pengiktirafan ARS kepada QT1 atau QT2 digalakkan untuk mendaftar dan mengikuti program yang ditawarkan ini bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang al-Quran.

SYARAT KEMASUKAN SCQT

Peserta perlu:

- Berumur sekurang-kurangnya 17 tahun pada masa pendaftaran.
- Lulus penilaian bacaan surah pilihan.
- Berkebolehan membaca al-Quran dengan lancar.
- Mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Pengajian al-Quran / Tajwid, jika ada.
- Mempunyai kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu yang membolehkan dia terlibat secara berkesan dalam program ini dan semasa penilaian.

SYARAT KEMASUKAN SDQT

Peserta perlu:


- Berumur sekurang-kurangnya 17 tahun pada masa pendaftaran.
- Mempunyai sekurang-kurangnya ARS QT2 / QTRS C atau Sijil Pengajian al-Quran / Islam atau yang setaraf.
- Berkebolehan membaca al-Quran dengan lancar.
- Peserta yang tidak mempunyai syarat-syarat di atas perlu mengikuti SCQT terlebih dahulu sebelum mengambil SDQT.
- Mempunyai kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu yang membolehkan dia terlibat secara berkesan dalam program ini dan semasa penilaian.

MATLAMAT PROGRAM

Program ini bermatlamat untuk membangunkan peserta dengan:

- Membina kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.
- Melengkapkan guru dengan pengetahuan yang mendalam tentang ilmu-ilmu al-Quran.
- Menawarkan program pendidikan berterusan yang bersesuaian dengan konteks dan keperluan semasa.

HASILAN KETARA PEMBELAJARAN (*DESIRED OUTCOME*)



STRUKTUR PROGRAM


Latihan guru-guru al-Quran terbahagi kepada 2 peringkat iaitu:

- a) SCQT
- b) SDQT

Selanjutnya, program terbahagi kepada 2 bidang:

- i) Berteraskan kemahiran (*Skill Based*)
- ii) Berteraskan Ilmu (*Knowledge Based*)

JALUR PEMBELAJARAN PROGRAM



MODUL PENGAJIAN SPECIALIST CERTIFICATE IN QURAN TEACHING (SCQT)

No.	Kod Modul	Tajuk Modul	Jam Kredit	Minggu Pertemuan
1	AR101	Pengenalan Bahasa Arab	4	8
2	KPI01	Metodologi Pengajaran Al-Quran	4	6
3	PQ101	Pengenalan Ulum Al-Quran	4	8
4	PQ102	Ibadat dalam Al-Quran	3	8
5	PQ103	Sirah Nabawiyah dalam Al-Quran	3	8
6	TF101	Aqidah dalam Al-Quran	3	8
7	TR101	Asas Tajwid Al-Quran	4	8
8	TT101	Talaqqi Musyafahah 1 (Juz 30, 1 & 2)	4	5
9	TT102	Talaqqi Musyafahah 2 (Juz 3-5)	4	5
10	TT103	Hafazan Al-Quran 1 (Juz 30) – Online	3	12
11	TT104	Hafazan Al-Quran 2 (Juz 30) - Online	3	12
Jumlah Jam Kredit			39	
Jumlah Minggu Pertemuan				88

Senarai Kursus yang wajib diulang sekiranya pelajar memperoleh Gred C- ke bawah:

No.	Kod Modul	Tajuk Modul
1	AR101	Pengenalan Bahasa Arab
2	KPI01	Metodologi Pengajaran Al-Quran
3	PQ101	Pengenalan Ulum Al-Quran
4	TR101	Asas Tajwid Al Quran
5	TT101	Talaqqi Musyafahah 1 (Juz 30, 1 & 2)
6	TT102	Talaqqi Musyafahah 2 (Juz 3-5)

SINOPSIS MODUL SPECIALIST CERTIFICATE IN QURAN TEACHING (SCQT)

PQ101 Pendahuluan Kepada Ulum Al-Quran (4 Kredit)

Kursus ini membincangkan maksud Ulum al-Quran serta konsep-konsep asas dalam pengajian Ulum al-Quran yang merangkumi pengertian al-Quran, wahyu, penurunan al-Quran, penyusunan al-Quran, sebab penurunan ayat, ayat *Makki & Madani* dan *Nasikh & Mansukh*.

PQ102 Ibadat Dalam Al-Quran (3 Kredit)

Pelajar akan mempelajari dalam modul ini hukum-hakam yang berkaitan dengan *Toharah* (Bersuci), Solat, Puasa (*Shiyam*) dari perspektif ayat-ayat al-Quran yang dibincangkan berpandukan susunan yang mengikut tertib nuzul yang mengarah ke aspek pembentukan diri dan pendidikan umat.

PQ103 Sirah Nabawiyah Dalam Al-Quran (3 Kredit)

Kursus ini membincangkan pengertian susunan surah-surah menurut kronologi dan perbezaannya dengan susunan yang terkandung dalam mashaf. Pelajar juga akan didedahkan kepada tafsiran, sebab turun, peristiwa-peristiwa yang berlaku, perumpamaan-perumpamaan dan pengajaran-pengajaran yang terkandung dalam lima surah pilihan yang awal diturunkan menurut susunan rentetan peristiwa iaitu surah al-`Alaq, al-Muddatstsir, al-Muzzammil, al-Masad dan al-A'laa.

TF101 Aqidah Dalam Al-Quran (3 Kredit)

Modul ini akan membincangkan persoalan-persoalan pokok dalam Aqidah yang dibentangkan dengan gaya yang tersendiri dalam al-Quran. Pelajar akan membincangkan isu-isu Aqidah dalam surah al-Fatihah yang menyentuh perihal rukun Iman sebagai satu contoh.

TRI01 Asas Tajwid Al-Quran (4 Kredit)

Pelajar akan belajar dasar Ilmu Tajwid dalam modul ini yang meliputi tajuk-tajuk seperti Takrif Ilmu Tajwid, persoalan makhraj dan sifat huruf, hukum Mad, hukum Nun Sukun dan sebagainya. Modul ini juga akan menyentuh kepada aspek I'jaz Huruf atau (*Shaut*) al-Quran.

KPI01 Metodologi Pengajaran Al-Quran (4 Kredit)

Modul ini memperkenalkan pendekatan pembelajaran pantas (*accelerated learning*) dalam pengajaran al-Quran yang dikenali dengan pendekatan KLiQ (Kursus Literasi al-Quran) yang disusun oleh Darul Quran Singapura. Pendekatan ini disusun dengan mengambil kira pengalaman puluhan tahun mengajar al-Quran dari asas.

ARI01 Pengenalan Bahasa Arab (4 Kredit)

Modul ini memberi pendedahan awal kepada asas memahami bahasa Arab al-Quran. Pelajar akan didedahkan kepada asas-asas pembentukan ayat dan gaya dalam bahasa Arab seperti *Ism* (Kata Nama), *Fi'il* (Kata Kerja), *al-Jumlah al-Ismiyah* (Ayat Mudah) dan sebagainya. Pelajar juga akan diajarkan metodologi menterjemah al-Quran berpandukan Kaedah Harfiyah. Pelajar juga akan diberikan sedikit pendedahan kepada aspek *al-I'jaz al-Bayaniy* (Mukjizat al-Quran pada bahasa).

TTI01 Talaqqi Musyafahah I (4 Kredit)

Pelajar berpeluang untuk memperbaiki bacaan al-Quran melalui kaedah Talaqqi Musyafahah secara berkumpulan dengan bimbingan guru yang mempunyai sanad al-Quran. Pelajar akan membaca sebanyak 3 Juz al-Quran bermula daripada Juz 30.

TTI02 Talaqqi Musyafahah II (4 Kredit)

Pelajar berpeluang untuk memperbaiki bacaan al-Quran melalui kaedah Talaqqi Musyafahah secara berkumpulan dengan bimbingan guru yang mempunyai sanad al-Quran. Pelajar akan membaca sebanyak 3 Juz al-Quran bermula daripada Juz 3.

TTI03 Hafazan Al-Quran I (3 Kredit)

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari melalui hafalan surah-surah yang telah ditetapkan iaitu surah an-Nas hingga al-Fajr. Pelajar harus menyemak hafalan setiap surah dengan guru di dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan).

TTI04 Hafazan al-Quran II (3 Kredit)

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari melalui hafalan surah-surah yang telah ditetapkan iaitu surah al-Ghashiyah hingga an-Naba'. Pelajar harus menyemak hafalan setiap surah dengan guru di dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan).

MODUL PENGAJIAN SPECIALIST DIPLOMA IN QURAN TEACHING (SDQT)

No.	Kod Modul	Tajuk Modul	Jam Kredit	Minggu Pertemuan
1	AR201	Perumpamaan dalam Al-Quran	4	9
2	AR202	Bahasa Arab Lanjutan	5	9
3	KP201	Pembelajaran dan Pengajaran Al-Quran Efektif 1	5	8
4	KP202	Pembelajaran dan Pengajaran Al-Quran Efektif 2	5	8
5	KP203	Metodologi Penulisan Ilmiah	4	7
6	KS201	Al-Quran dalam Era Semasa	5	9
7	KS202	Ilmu Qiraat 1	4	8
8	KS203	Ilmu Qiraat 2	4	8
9	KS204	Rasm Al-Quran	4	9
10	KS205	Dabt Al-Quran	4	8
11	PQ201	Metodologi Tafsir al-Quran	5	9
12	PQ202	Ulum Al-Quran Lanjutan	5	9
13	PQ203	I'jaz Al-Quran	4	9
14	TF201	Akhlak dalam Al-Quran	4	9
15	TF202	Pendekatan Tafsir Maudui	4	9
16	TF203	Tafsir Ayat Ahkam	4	9
17	TR201	Kemahiran Al-Quran	5	9
18	TR202	Pengenalan Ilmu Tarannum	3	7
19	TT201	Talaqqi Musyafahah 1 (Juz 29-27)	5	5
20	TT202	Talaqqi Musyafahah 2 (Juz 26-24)	5	5
21	TT203	Hafazan Al-Quran 1 (Juz 29) – Online	4	17
22	TT204	Hafazan Al-Quran 2 (Juz 29) – Online	4	17
Jumlah Jam Kredit			96	
Jumlah Minggu Pertemuan				197

Senarai Kursus yang wajib diulang sekiranya pelajar memperoleh Gred C- ke bawah:

No	Kod Modul	Nama Modul
1	AR202	Bahasa Arab Lanjutan
2	KP201	Pembelajaran dan Pengajaran Al-Quran Efektif 1
3	KP202	Pembelajaran dan Pengajaran Al-Quran Efektif 2
4	PQ202	Ulum Al-Quran Lanjutan
5	TR201	Kemahiran Al-Quran
6	TT201	Talaqqi Musyafahah 1 (Juz 29-27)
7	TT202	Talaqqi Musyafahah 2 (Juz 26-24)

SINOPSIS MODUL SPECIALIST DIPLOMA FOR QURAN TEACHERS (SDQT)

TR201 Kemahiran Al-Quran (5 Kredit)

Modul ini akan membincangkan aspek yang lebih lanjut dalam perbincangan ilmu Tajwid seperti perbincangan sifat huruf, tingkatan Qalqalah dan Ikhfa', Idgham *Kamil* dan *Naqis* dan yang sebagainya. Di samping menjelaskan kesan dan hubungkait di antara bunyi huruf dengan makna kalimah.

TR202 Pengenalan Ilmu Tarannum (3 Kredit)

Kursus ini membincangkan beberapa aspek teori penting yang berkaitan dengan tarannum seperti definisi ilmu tarannum, ilmu *sout* dan dalil suruhan tarannum, falsafah dan peranan tarannum, istilah-istilah penting dalam pembelajaran tarannum, *tobaqat* suara dan jenis-jenis suara dalam bacaan di samping memperkenalkan tokoh-tokoh tarannum yang terkenal. Para pelajar akan didedahkan kepada empat buah lagu tarannum iaitu Bayyati, Hijaz, Nahawand dan Jiharkah serta dilatih untuk terapkan secara praktikal pada ayat-ayat pilihan sekurang-kurangnya satu gaya bacaan dan juga mempelajari perbezaan di antara lagu-lagu tersebut.

PQ201 Metodologi Tafsir Al-Quran (5 Kredit)

Kursus ini membincangkan topik-topik utama dalam kajian metodologi tafsir al-Quran seperti pengertian tafsir dan takwil; jenis-jenis tafsir serta pendekatan bagi setiap jenis dan contoh-contohnya; biografi ulama-ulama tafsir; pengenalan kitab-kitab tafsir yang masyhur, tokoh-tokoh Mufassir kontemporari dan pendekatan tafsir mereka; ilmu Hermeneutika; karya-Karya tafsir Orientalis dan tokoh-tokohnya; kajian perkembangan ilmu tafsir di Singapura & Asia Tenggara dan isu-isu kontemporari berkaitan tafsir al-Quran.

PQ202 Ulum Al-Quran Lanjutan (5 Kredit)

Kursus ini membincangkan beberapa perbahasan utama dalam Ulum al-Quran yang terdiri dari takrif Ulum al-Quran; perbezaan Ulum al-Quran, ilmu Tafsir serta Usul Tafsir; maksud penurunan al-Quran dengan *Sab'ah Ahruf*; *al-Muhkam wal Mutasyabih* serta topik-topik berkaitan dengan *Nasikh & Mansukh* seperti pembahagian *al-Nasikh wal Mansukh*, lafaz-lafaz yang umum & khusus dan *al-Mutlaq wal Muqayyad*. Pelajar juga didedahkan kepada sejarah dan penyelewengan ilmu tafsir serta periwayatan Israiliyyat.

PQ203 I'jaz Al-Quran (4 Kredit)

Modul ini membincangkan sudut kemukjizatan al-Quran daripada pelbagai perspektif. *I'jaz Bayani*, *I'jaz al-'Ilmi* dan *I'jaz al-Tasyrie* merupakan antara pembahagian yang akan dibincangkan yang menyentuh aspek bahasa, ilmu sains modern dan perundangan. Kajian kemukjizatan al-Quran ini membantu pelajar meluaskan pemahaman sedia ada terhadap *Ulum al-Quran* yang menjadi asas kepada pembelajaran al-Quran.

TF201 Akhlak Dalam Al-Quran (4 Kredit)

Pelajar akan melihat kepada pendekatan al-Quran dalam membangun keperibadian jitu melalui ayat-ayat yang dikupas dengan pendekatan Tafsir Tarbawi. Pendekatan ini akan lebih fokus kepada pembangunan akhlak yang menjadi elemen penting dalam diri seorang muslim. Pembelajaran akan meneliti di antaranya penilaian kisah-kisah dalam al-Quran yang menjadi sumber utama dalam membentuk akhlak pada makna yang lebih luas.

TF202 Pendekatan Tafsir Maudui (4 Kredit)

Kursus ini membincangkan tema-tema utama yang disentuh dalam al-Quran dan berkait rapat dengan keperluan semasa seperti makanan, gender, kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi, adab dan integriti, kemanusiaan dan kisah-kisah dalam al-Quran.

TF203 Tafsir Ayat Ahkam (4 Kredit)

Dalam modul ini pelajar akan mempelajari ayat-ayat yang bersangkutan dengan hukum-hakam atau secara spesifik ayat yang berkaitan dengan permasalahan Fiqh seperti menghadap Kiblat ketika solat, perkara baik yang dihalalkan dan diharamkan yang kotor, perihal puasa dan sebagainya.

AR201 Perumpamaan Dalam Al-Quran (4 Kredit)

Modul ini bertujuan untuk memperkenalkan para pelajar kepada ilmu balaghah dalam al-Quran yang mengupas makna-makna yang tersirat di sebalik kaedah-kaedah Nahu seperti *al-ma'rifah wal nakirah* (umum dan spesifik), *al-mufrad wal jama'* (tunggal dan berganda), *at-taqdim wat ta'khir* (yang didahulukan dan yang dikemudiankan), *at-taukid* (penguat) dan penghujung ayat.

AR202 Bahasa Arab Lanjutan (5 Kredit)

Modul ini akan membincangkan dengan lebih lanjut perbahasan dalam ilmu Nahu dan Saraf yang berkaitan dengan *al-Marfu'*, *al-Mansub*, *al-Majrur* dan *al-Majzum* dalam perbahasan *al-Afal* dan *al-Asma*. Pelajar juga akan diberikan sedikit pendedahan kepada aspek *al-I'jaz al-Bayaniy* (Mukjizat al-Quran pada bahasa).

KS201 Al-Quran dalam Era Semasa (5 Kredit)

Modul ini akan membincangkan permasalahan intelektual dan sosial dalam masyarakat dunia dan penyelesaiannya menurut al-Quran dan sunnah. Konsep-konsep asasi dalam al-Quran seperti tema Ibadah dan Hubungan dengan Tuhan; tema Adab, Akhlak dan Integriti; tema Wanita, Kekeluargaan, Masyarakat dan Kemanusiaan dan tema Pendidikan, Ekonomi dan Kerjaya dibincangkan agar mampu membentuk *World View* (Tasawwur) yang benar bagi seorang Mukmin yang hidup dalam zaman yang era semasa.

KS202 Ilmu Qiraat I (4 Kredit)

Kursus ini membincangkan topik-topik utama dalam pengenalan ilmu Qiraat iaitu pengenalan dan sejarah ilmu Qiraat, pengenalan biodata tujuh imam-imam Qiraat serta perawi-perawi mereka, perbincangan tentang usul bacaan mereka dan *Farsy al-Huruf* bagi surah-surah dan ayat-ayat pilihan.

KS203 Ilmu Qiraat 2 (4 Kredit)

Modul ini akan memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek Qiraat Tujuh yang Mutawatir dari segi tokoh-tokohnya, keadah/manhaj bacaan setiap imam dan perawi Qiraat tersebut. Di samping itu, modul ini akan memberi kefahaman kepada perkara seperti *Usul Qiraat* dan *Farsy al-Huruf* bagi setiap Qiraat pada surah-surah yang ditentukan.

KS204 Rasm Al-Mushaf: Kaedah Penulisan Mushaf (4 Kredit)

Kursus ini akan membincangkan mengenai sejarah penulisan al-Quran daripada zaman Rasulullah s.a.w hinggalah pembukuan al-Quran pada zaman Uthman ibn Affan, bila bermulanya penulisan *Rasm Uthmani* serta kaedah-kaedah yang digunapakai dalam penulisan Uthmani seperti *al-Hadhaf*, *al-Ziyadah*, *al-Hamz*, *al-Maqtu' wa al-Mausul*, *al-Ibdal* dan *Ma Fihī Qiraataan Fakataba 'Ala lhdahuma*. Para pelajar juga akan mempelajari perbezaan pendapat ulama terhadap penulisan Uthmani. Tambahan, mereka akan mempelajari perbandingan antara *Rasm Imlai* dengan *Rasm Uthmani* dan kepentingan penggunaan *Rasm Uthmani* hingga ke kini hari. Selain itu, para pelajar akan didedahkan kepada 2 tokoh besar dalam *Rasm* iaitu Abu Dawud dan Abu Amru ad-Dani serta menganalisa perbezaan dan persamaan pendapat antara mereka.

KS205 Dabt Al-Quran (4 Kredit)

Modul ini memperkenalkan kaedah penulisan tanda-tanda yang digunakan dalam Mushaf al-Quran. Penandaan ini bermula sejak zaman Saidina Ali dan berkembang sehingga ke zaman mutakhir ini. Selain itu, modul ini memberikan perhatian kepada kaedah mengenal pasti perbezaan di antara *Dabt al-Quran* dan *Rasm al-Quran*.

KP201 Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Yang Efektif I (5 Kredit)

Modul ini akan membantu para pelajar dengan memberikan kemahiran praktikal apabila mengajar al-Quran. Perkara seperti teknik dan pendekatan efektif dalam mengajar al-Quran akan dibincangkan terutama dalam aspek motivasi dan Qudwah (*role model*) akan diberikan penekanan bagi seseorang yang mengajar al-Quran.

KP202 Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Yang Efektif 2 (5 Kredit)

Modul ini akan membantu para pelajar mengetahui kemahiran teknik mengajar dan pengurusan bilik kuliah. Perkara seperti pedagogi, andragogi dan pendekatan efektif dalam mengajar al-Quran kepada pelajar yang mempunyai latarbelakang yang berbeza dari segi umur, pendidikan dan keupayaan.

KP203 Metodologi Penulisan Ilmiah (4 Kredit)

Modul ini akan melatih pelajar kemahiran menulis tugas ilmiah, esei, artikel dan menjawab kertas ujian dengan efektif. Pelajar di peringkat pos-menengah perlu meningkatkan kemahiran menulis dan membaca. Ia diharap agar mereka dapat menghasilkan bahan-bahan penulisan ilmiah sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pembimbing kursus terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman menulis buku dan tesis ilmiah.

TT201 Talaqqi Musyafahah I (5 Kredit)

Pelajar berpeluang untuk memperbaiki bacaan al-Quran melalui kaedah *Talaqqi Musyafahah* secara berkumpulan dengan bimbingan guru yang mempunyai sanad al-Quran. Pelajar akan membaca sebanyak 3 Juz al-Quran bermula daripada Juz 29 hingga 27.

TT201 Talaqqi Musyafahah 2 (5 Kredit)

Pelajar berpeluang untuk memperbaiki bacaan al-Quran melalui kaedah *Talaqqi Musyafahah* secara berkumpulan dengan bimbingan guru yang mempunyai sanad al-Quran. Pelajar akan membaca sebanyak 3 Juz al-Quran bermula daripada Juz 26 hingga 24.

TT203 Hafazan al-Quran I (4 Kredit)

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari melalui hafalan surah-surah yang telah ditetapkan Juz 29 surah Al Mulik hingga surah Nuh.

TT204 Hafazan al-Quran 2 (4 Kredit)

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari melalui hafalan surah-surah yang telah ditetapkan Juz 29 surah Al Jin hingga surah Al Mursalat.

MASA PEMBELAJARAN (*STUDY LOAD*) BAGI SUATU MODUL PENGAJIAN

Masa Pembelajaran Peringkat Sijil (100 jam/modul)

No.	Perkara	Jam Pembelajaran
1	Kuliah	24
2	Persediaan kuliah (<i>self learning</i>)	60
3	Ujian peperiksaan	2
4	Ulang Kaji	14
Jumlah		100

Masa Pembelajaran Peringkat Diploma (120 jam/modul)

No.	Perkara	Jam Pembelajaran
1	Kuliah	30
2	Persediaan kuliah (<i>self learning</i>)	68
3	Ujian peperiksaan	2
4	Ulang Kaji	20
Jumlah		120

KATEGORI KEMAHIRAN DALAM PEMBELAJARAN

SCQT	Modul Sokongan		Modul Teras	
	Kemahiran	Tajuk	Kod	Tajuk
Kecekapan Ilmu (<i>Knowledge Competency</i>)	Ibadat Dalam Al-Quran	PQ102	Pengenalan Ulum Al-Quran	PQ101
	Sirah Nabawiyah Dalam Al-Quran	PQ103	Bahasa Arab Al-Quran I	AR101
	Aqidah Dalam Al Quran	TF101		
Kecekapan Lisan (<i>Oral Competency</i>)			Asas Tajwid Al-Quran	TR101
			Talaqqi Musyafahah 1: Juz 30, 1 & 2	TT101
			Talaqqi Musyafahah 2: Juz 3-5	TT102
Kecekapan Mengajar (<i>Teaching Competency</i>)			Metodologi Pengajaran Al-Quran	KPI01
Kecekapan Menghafaz (<i>Memorizing Competency</i>)	Hafazan Al-Quran 1 (Juz 30)	TT103		
	Hafazan Al-Quran 2 (Juz 30)	TT104		

SDQT	Modul Sokongan		Modul Teras	
	Kemahiran	Tajuk	Kod	Tajuk
Kecekapan Ilmu (<i>Knowledge Competency</i>)	Perumpamaan Dalam Al-Quran	AR201	Bahasa Arab Lanjutan	AR202
	Akhlak Dalam Al-Quran	TF201	Metodologi Tafsir al-Quran	PQ201
	Pendekatan Tafsir Maudui	TF202	Ulum Al-Quran Lanjutan	PQ202
	Tafsir Ayat Ahkam	TF203	Al-Quran Dalam Era Semasa	KS201
	l'jaz Al-Quran	PQ203		
	Ilmu Qiraat 1	KS202		
	Rasm Al-Quran	KS204		
	Dabt Al-Quran	KS205		
Kecekapan Lisan (<i>Oral Competency</i>)	Pengenalan Ilmu Tarannum	TR202	Kemahiran Al-Quran	TR201
	Ilmu Qiraat 2	KS203	Talaqqi Musyafahah 1: Juz 29-27	TT201
			Talaqqi Musyafahah 2: Juz 26-24	TT202
Kecekapan Mengajar (<i>Teaching Competency</i>)	Motodologi Penulisan Ilmiah	KP203	Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Yang Efektif 1	KP201
			Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Yang Efektif 2	KP202
Kecekapan Menghafaz (<i>Memorizing Competency</i>)	Hafazan Al-Quran 1 (Juz 29)	TT203		
	Hafazan Al-Quran 2 (Juz 29)	TT204		

YURAN PROGRAM

1) *Specialist Certificate in Quran Teaching (SCQT) [1 Tahun]*

- a) Yuran Pendaftaran (Sekali sahaja) : \$50 (Tidak boleh dikembalikan)
- b) Yuran Lain-lain (Sekali sahaja) : \$200 (Tidak boleh dikembalikan)
- c) Yuran Program : \$150/sebulan × 10 bulan (Tempoh pengajian)
- d) **Jumlah Bayaran** : **\$1700** (Tidak termasuk yuran pendaftaran)

2) *Specialist Diploma in Quran Teaching (SDQT) [2.5 Tahun]*

- a) Yuran Pendaftaran (Sekali sahaja) : \$50 (Tidak boleh dikembalikan)
- b) Yuran Lain-lain (*miscellaneous*)* : \$500 (Tidak boleh dikembalikan)

(Tahun pertama & kedua = \$200/tahun & tahun ketiga = \$100)

Pecahan bagi Yuran Lain-lain (*miscellaneous*)*

- i. Nota Kursus
- ii. Bantuan Administrasi
- iii. Bantuan Pembangunan
- iv. Perkhidmatan IT
- c) Yuran Program : \$150/sebulan × 27 bulan (Tempoh pengajian)
- d) **Jumlah Bayaran** : **\$4550** (Tidak termasuk yuran pendaftaran)

3) **Bayaran Yuran Tambahan**

- a) Yuran Cetak Semula Sijil* : \$25
- b) Yuran Cetak Semula Transkrip* : \$25
- c) Yuran Pengulangan Modul : \$100

*Pelajar/graduan yang ingin meminta cetak semula sijil atau transkrip, mereka hanya boleh berbuat demikian di bawah mana-mana satu daripada sebab berikut:

- Sijil/transkrip hilang.
- Sijil/transkrip rosak. (Graduan mesti menyerahkan sijil asal yang rosak sebagai pertukaran dengan yang baharu selepas dikeluarkan)
- Penukaran nama (Graduan mesti menyediakan dokumen-dokumen yang relevan dan Kad Pengenalan/Pasport yang dikemas kini, menyerahkan sijil asal sebagai pertukaran dengan sijil baharu apabila dikeluarkan.)

JADUAL PENGAJIAN

Jadual Mingguan

	Hari	Masa
SDQT	Isnin & Khamis	6.30 ptg – 9.30 mlm
SCQT Melayu	Selasa & Jumaat	6.30 ptg – 9.30 mlm
SCQT English	Isnin & Rabu	6.30 ptg – 9.30 mlm

JADUAL SEMESTER

a) Specialist Certificate in Quran Teaching (SCQT)

Tahun pertama	Modul yang ditawarkan
Semester satu	: 6 modul
Semester dua	: 5 modul
Jumlah	: 11 modul
Jumlah Keseluruhan	: 11 modul

b) Specialist Diploma in Quran Teaching (SDQT)

Tahun pertama	Modul yang ditawarkan
Semester satu	: 5 modul
Semester dua	: 5 modul
Jumlah	: 10 modul
Tahun kedua	Modul yang ditawarkan
Semester satu	: 4 modul
Semester dua	: 5 modul
Jumlah	: 9 modul

Tahun ketiga	Modul yang ditawarkan
Semester satu	: 3 modul
Jumlah	: 3 modul
Jumlah Keseluruhan	: 22 modul

SISTEM PENILAIAN

Penilaian akan dijalankan dalam dua cara:

1. Penilaian secara berterusan (*continuous assessment*). Pelajar akan diminta untuk membaca teks pelajaran, berkongsi kefahaman daripada bahan bacaan yang diberikan dan menganalisa teks. Tujuan penilaian berterusan ini adalah untuk mengukur pencapaian pelajar dan memastikan mereka dapat mengikuti pelajaran dengan lebih efektif.
2. Penilaian di akhir setiap modul. Soalan yang diajukan adalah dalam bentuk tulisan dan sebahagian modul dalam bentuk lisan. Ia membantu pensyarah menilai kebolehan dan merekodkan pencapaian pelajar dalam bentuk markah dari masa ke masa agar pelajar dan pensyarah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Pelajar layak menduduki peperiksaan bagi suatu modul jika:

- i) pelajar melaksanakan semua tugas¹ yang ditetapkan oleh pensyarah
- ii) pelajar telah melunaskan segala yuran tertunggak
- iii) peratusan kehadirannya tidak kurang dari 75% untuk modul berkenaan
(Jika tidak dapat hadir untuk kelas & ujian, wajib bagi peserta untuk berikan MC/surat kepada pegawai)


¹ Tugas akan diberikan dalam:

- i) bahan bacaan yang perlu dibaca, dan/atau
- ii) bentuk penulisan

Pelajar yang tidak layak menduduki peperiksaan pula perlu mengulangi pengajian modul yang berkaitan.

SKEMA PEMARKAHAN

Setiap modul akan dinilai dari sudut kehadiran (15%), kuiz (15%), assignment (20%) serta peperiksaan (50%) sepanjang sesi pembelajaran. Ini bermakna setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah harus disiapkan oleh pelajar. Pelajar juga wajib menghadiri kelas dengan peratusan sebanyak 75% bagi melayakkan diri untuk mengambil ujian bertulis.



Penyata Gred Keseluruhan

4.0	Sangat Cemerlang	Menunjukkan pencapaian yang sempurna dan yang terbaik dalam semua mata pelajaran dan aspek
3.7 - 3.9	Cemerlang	Menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan antara yang terbaik di dalam kelas
3.4 – 3.6	Sangat Baik	Menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pencapaian kelas yang sama tetapi tidak mencapai tahap kecemerlangan
3.0 – 3.3	Baik	Menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pencapaian purata kelas tetapi tidak mencapai tahap sangat baik
2.5 – 2.9	Sederhana	Menunjukkan pencapaian yang sama dengan pencapaian purata

2.0 – 2.4	Lulus	Menunjukkan pencapaian yang kurang daripada purata semua pelajar dalam kelas yang sama
0.0 – 1.9	Gagal	Menunjukkan pencapaian yang tidak mencukupi atau penarikan diri daripada sesuatu kursus selepas tempoh yang dibenarkan

Markah Gred Abjad Mata

NILAIAN GRED

Markah	Gred	GPA
95 – 100	A+	4
90 – 94	A	4
85 – 89	A-	3.7
80 – 84	B+	3.4
75 – 79	B	3.1
70 – 74	B-	2.8
65 – 69	C+	2.5
60 – 64	C	2.2
55 – 59	C-	1.9
45 – 54	D	1.6
00 – 44	F	0

Singkatan	Maksudnya
TH	= Tidak Hadir
SM	= Sedang Maju
TM	= Tunda Modul
TR	= Transfer Kredit

Modul Yang Tidak Lulus:

Pelajar yang tidak lulus peperiksaan sesuatu modul akan dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan **hanya sekali**. Jika keputusannya lulus, gred yang dianugerahkan ialah **gred D**. Jika keputusannya tidak lulus, modul berkenaan perlu diambil semula pada tahun berikutnya untuk membolehkannya lulus dan diberi gred.

GRED & TRANSKRIP

Pelajar akan dimaklumkan keputusan lulus atau gagal sekurang-kurangnya sebulan setelah tamat ujian bagi setiap modul. Manakala, transkrip keseluruhan modul-modul bagi tahun tersebut akan diberikan secara tahunan, selewatnya hujung bulan Februari pada tahun seterusnya.

PENGANUGERAHAN SIJIL

Pelajar akan dianugerahkan sijil berdasarkan kepada Himpunan Purata Timbunan Nilai Gred (CGPA) yang terkumpul selepas pengajian ditamatkan. Majlis konvokesyen dijalankan dua tahun sekali.

SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL

Sijil akan dianugerahkan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Telah memenuhi syarat-syarat keperluan Sijil iaitu menamatkan 12 modul bagi peringkat SCQT dan 23 modul bagi peringkat SDQT
2. Mendapat keseluruhan Purata Nilai Gred Terkumpul yang tidak kurang dari 2.00
3. Lulus kesemua mata pelajaran teras dan tidak gagal lebih daripada tiga mata pelajaran
4. Telah melunaskan semua yuran-yuran yang ditetapkan
5. Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Lembaga Akademik
6. Pengesahan dari Jabatan Akademik